



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN SISTEM FRANCAIS PENDIDIKAN TERHADAP KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA

NURAIN SABRINA BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN (MOD KERJA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan Sistem Francais Pendidikan terhadap Kualiti Pengajaran dan pembelajaran. Fokus utama kajian ini juga dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS. Faktor-faktor seperti persekitaran pembelajaran, gaya pengajaran dan kualiti pensyarah digunakan sebagai pemboleh ubah bebas yang diukur dengan menggunakan soal selidik lima skala-likert. Seramai 148 orang pelajar IPTS di sekitar Negeri Melaka dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) versi 22.0. Pengkaji menggunakan statistik deksriptif dan statistik inferensi dalam menganalisis data yang diperolehi iaitu dengan melihat kekerapan, min dan peratusan responden manakala statistik inferensi iaitu Analisis Faktor dan Analisis Regresi Berganda digunakan untuk melihat kesahan item dalam soal selidik dan impak faktor-faktor pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian mendapati, hanya dua daripada tiga faktor iaitu faktor persekitaran pembelajaran dan gaya pengajaran sahaja yang memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS. Sementara faktor kualiti pensyarah tidak memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS. Dapatkan kajian ini juga dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS selain dapat membantu hubungan dua hala di antara UA dan IPTS dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti di masa hadapan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

THE EFFECT OF EDUCATIONAL FRANCHISE SYSTEM ON QUALITY OF TEACHING AND LEARNING AMONG STUDENTS OF PRIVATE HIGHER EDUCATION INSTITUTION

ABSTRACT

This study was conducted to determine the effect of Educational Franchise System towards Quality of Teaching and Learning. The main focus of this study was to identify factors that influence the quality of teaching and learning among IPTS students. Factors such as learning environment, teaching style and quality of lecturer were measured using a questionnaire of five-Likert scale. A total of 148 students of IPTS in Malacca was selected to participate in this study. Data were collected and analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0. This study was using descriptive statistic and inferential statistic for the analysis. Analysis that has been used in this study for descriptive analysis was frequency, min and percentage while for the inferential statistic, factor analysis and multiple regression were used. The study found that only two factors which is learning environment and teaching styles have a significant relationship towards the quality of teaching and learning for IPTS students while quality of lecturer has no significant relationship. Generally, the result of the study will improve the quality of teaching and learning among UA and IPTS students and the relationship between UA and IPTS in order to have qualified student for the future.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	5
1.4 Objektif kajian	8
1.5 Persoalan kajian	9
1.6 Kerangka konsep	9
1.7 Hipotesis kajian	10
1.8 Kepentingan kajian	11
1.9 Batasan kajian	12
1.10 Definisi operasional	13



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.10.1 Francais	13
1.10.2 Kualiti pengajaran dan pembelajaran	14
1.10.3 Persekitaran pembelajaran	14
1.10.4 Gaya pengajaran	15
1.10.5 Kualiti pensyarah	15
1.11 Penutup	16

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	17
2.2 Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia	17
2.3 Pengajaran dan pembelajaran dalam konteks Pendidikan Tinggi	20
2.4 Konsep kualiti pengajaran dan pembelajaran	22
2.4.1 Persekitaran pembelajaran	26
2.4.2 Gaya pengajaran	27
2.4.3 Kualiti pensyarah	28
2.4.4 Kualiti pengajaran dan pembelajaran	30
2.4.5 Hubungan persekitaran pembelajaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran	32
2.4.6 Hubungan gaya pengajaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran	35
2.4.7 Hubungan kualiti pensyarah dan kualiti pengajaran dan pembelajaran	36
2.5 Penutup	38



BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	39
3.2 Rekabentuk kajian	40





3.3 Populasi dan persampelan	41
3.4 Instrumen kajian	43
3.5 Kajian rintis	48
3.5.1 Kesahan dan kebolehpercayaan	49
3.6 Kaedah analisis data	51
3.6.1 Statistik deskriptif	51
3.6.2 Statistik inferensi	53
3.6.3 Analisis multivariat	54
3.6.3.1 Analisis faktor	54
3.6.3.2 Analisis Regresi pelbagai	56
3.7 Ujian normaliti (<i>Kolmogorov–Smirnov, Shapiro-Wilk, skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>)	57
3.7.1 Data terpinggir (<i>Outliers</i>)	59
3.8 Ujian <i>Multicollinearity</i>	60
3.9 Penutup	62



BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan	63
4.2 Kadar respon soal selidik	63
4.3 Latarbelakang responden	65
4.4 Analisis deskriptif item-item pemboleh ubah	67
4.5 Ujian kebolehpercayaan	69
4.6 Ujian kesahan	70
4.6.1 Analisis faktor	71
4.7 Ujian korelasi	79





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix

4.8 Ujian analisis regresi pelbagai	81
-------------------------------------	----

4.9 Penutup	84
-------------	----

BAB 5 : PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	85
----------------	----

5.2 Ringkasan kajian	86
----------------------	----

5.3 Pengujian hipotesis dan persoalan kajian	88
--	----

5.3.1 Persoalan dan hipotesis pertama	89
---------------------------------------	----

5.3.2 Persoalan dan hipotesis kedua	90
-------------------------------------	----

5.3.3 Persoalan dan hipotesis ketiga	91
--------------------------------------	----

5.4 Cadangan dan rumusan	93
--------------------------	----

5.4 Penutup	95
-------------	----

RUJUKAN	96
----------------	----



05-4506832

LAMPIRAN

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
105

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ix



SENARAI JADUAL

NO JADUAL		MUKA SURAT
3.1	Bilangan Populasi Pelajar-Pelajar Program Francais	43
3.2	Soalan-soalan Di dalam Soal Selidik	45
3.3	Item-item Bagi Setiap pemboleh ubah	64
3.4	Interpretasi Nilai Pekali Cronbach's Alpha	50
3.5	Keputusan Analisis Ujian Kebolehpercayaan	50
3.6	Interpretasi Nilai Min Skala Lima Likert	53
3.7	Jenis-jenis Analisis Multivariate	54
3.8	Ujian Kolmogorov – Smirnov dan Shapiro-Wilk	57
3.9	Ujian Skewness dan Kurtosis	58
3.10	Ujian Multicollinearity	61
4.1	Kadar Respon Soal Selidik	64
4.2	pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Analisis Latarbelakang Responden	66
4.3	Nilai Min dan Sisihan Piawai Bagi Item-item Dalam Pembolehubah	67
4.4	Analisis Kebolehpercayaan Setiap Pembolehubah	69
4.5	Ujian KMO Bartlett's Test Pemboleh ubah Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	72
4.6	Jadual Component Matrix Pemboleh ubah Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	73
4.7	Ujian KMO dan Bartlett's Test Pemboleh ubah Persekutaran Pembelajaran	75
4.8	Component Matrix Pemboleh ubah Persekutaran Pembelajaran	75
4.9	Ujian KMO dan Bartlett's Test Pemboleh ubah Gaya Pengajaran	76
4.10	Component Matrix Pemboleh ubah Gaya Pengajaran	77
4.11	Ujian KMO dan Bartlett's Test Pemboleh ubah Kualiti Pensyarah	78
4.12	Component Matrix Pemboleh ubah Kualiti Pensyarah	79
4.13	Jadual Interpretasi Nilai Korelasi	80
4.14	Ujian Korelasi Pearson	80
4.15	Ujian Analisis Regresi Pelbagai	81





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xi

4.16 Jadual Unstandardized Coefficients 82

5.1 Jadual Pengujian Hipotesis 92



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	MUKA SURAT
1.6 Kerangka yang Menunjukan Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	10
2.1 Kerangka konsep	37
4.2 Kotak Q-Q Plot	60



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

SENARAI SINGKATAN

DBS	Diploma in Business Studies
DIA	Diploma in Accountancy
DTM	Diploma in Technology Management
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
UA	Universiti Awam
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	Universiti Malaya
UTM	Universiti Teknologi Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI LAMPIRAN

Borang soal selidik	A1
Surat permohonan menjalankan penyelidikan	B1
Surat kebenaran menggunakan konstruk soal selidik	C1
Jadual Analisis Kajian	D1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Industri pendidikan adalah satu industri yang dinamik dan pengajian tinggi menjanjikan pulangan yang tinggi apabila ia dapat menarik bakal pelajar atau ibu bapa untuk menghantar anak mereka meneruskan pengajian. Apabila dunia berubah ke arah sistem ekonomi yang mementingkan prestasi yang ampuh, sesebuah negara akan memerlukan ramai dari rakyatnya yang mempunyai pendidikan tinggi sebagai pemangkin utama dalam usahanya untuk menjadi negara berteknologi tinggi. Pendidikan tinggi bukan sahaja memberi nilai tambah kepada individu tersebut, tetapi juga kepada organisasi di mana individu ini bertugas dan juga kepada masyarakat secara umum.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Melihat kepada pertumbuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang semakin berkembang, ianya seakan menjadi satu penanda aras dalam dunia pendidikan pada hari ini dan ini membawa kepada kewujudan satu fenomena baru dalam arena Institut Pengajian Tinggi (IPT) di mana beberapa Universiti Awam (UA) tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah memberi peluang kepada IPTS untuk mengendalikan program pengajian dengan menggunakan ‘nama’ mereka atau dengan erti kata lainnya memfrancaiskan nama mereka. UM adalah antara universiti terawal yang memulakan langkah dalam bidang ini kerana telah memfrancaiskan program matrikulasi dan ini dilakukan sebagai salah satu langkah pengkorporatan universiti itu.



ada di sebuah universiti yang telah diluluskan untuk dikendalikan oleh IPTS dengan menggunakan kurikulum seperti yang dilaksanakan di universiti induk. Seperti yang telah dinyatakan dalam kertas kerja kajian sistem pendidikan tinggi kebangsaan, program francais mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

- 1) Keseluruhan kurikulum disediakan oleh pihak universiti induk
- 2) Semua aktiviti pengajaran dijalankan di premis IPTS atau di tempat yang ditentukannya.
- 3) IPTS bertanggungjawab menyediakan semua tenaga pengajar.
- 4) Semua pelajar berdaftar dengan IPTS
- 5) Pada akhir pengajian, diploma dan ijazah akan dikurniakan oleh universiti induk (Kertas Kerja Kajian Pendidikan Tinggi Kebangsaan,2012).





Secara kesimpulannya, perubahan dalam sektor pendidikan menjadi intipati penting dalam pengukuhan perpaduan negara ke arah yang lebih baik kerana pendidikan menjadi peneraju pembentukan masyarakat pada masa akan datang. Namun, walaupun banyak perubahan yang telah dilakukan, kelemahan yang masih lagi wujud perlu diambil serius oleh pihak yang berkenaan untuk menyelesaiannya dengan langkah segera.

1.2 Latar belakang kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan sistem francais pendidikan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memfokuskan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar yang mengikuti program kerjasama atau program francais yang dijalankan oleh IPTS yang berdaftar sebagai salah satu pemegang francais (Francaisi) yang diberikan oleh UA.

Di Malaysia, perniagaan francais dikawal di bawah Akta Francois (Pindaan) 2012 (sebelum ini dipanggil Akta Francois 1998). Akta ini terpakai bagi penjualan apa-apa Francois di seluruh Malaysia. Mengikut Akta, pendaftaran juga perlu dilakukan oleh syarikat yang sebelum ini berdaftar di bawah Jabatan Perdana Menteri atau KPUK sebelum Akta Francois 1998 berkuatkuasa (Buku Panduan Pendaftaran Francois, 2012).





Melihat kepada perkembangan sistem perniagaan francais, ia mula berkembang di Malaysia sejak tahun 1940-an dengan dipelopori oleh jenama produk isi rumah iaitu Singer dan Bata, kemudian sistem berkenaan menjadi terkenal kepada rangkaian restoran makanan segera bermula tahun 1970-an dan 80-an seperti KFC, A&W dan McDonald's (Noor Azam, 1999).

Walau bagaimanapun, sistem francais juga sudah mula mengembangkan cabang perniagaan dalam dunia pendidikan tinggi di mana kebanyakan UA di Malaysia telah pun melaksanakan sistem francais pendidikan melalui program kerjasama yang dijalankan dengan IPTS.

Menurut statistik yang diperolehi daripada laman web Kementerian Pendidikan Tinggi sehingga akhir tahun 2000, sebanyak 32 IPTS telah diberi kelulusan mengendalikan program kerjasama dengan universiti luar. Oleh yang demikian, pengalaman yang dimiliki IPTS dalam mengadakan program kerjasama dengan luar negara telah membuka pintu untuk pelaksanaan program usahasama antara UA dengan IPTS melalui kaedah francais.

Secara umumnya, IPTS yang menawarkan program francais ini akan menyediakan kemudahan fizikal, tenaga pengajar dan juga kakitangan bukan akademik, manakala UA akan menyediakan silibus, latihan, promosi mengenai kursus-kursus yang ditawarkan di IPTS tersebut secara usahasama (Zainudin et al, 2013).





Ini merupakan satu langkah yang bijak di mana dengan menjalankan program usahasama antara UA dan IPTS secara francais, ianya bukan sahaja dapat membuka ruang keuntungan kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat, tetapi ia juga dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke UA, untuk melanjutkan pelajaran ke IPTS yang terpilih menjalankan program francais ini.

1.3 Pernyataan masalah

Jumlah kemasukan pelajar di IPT terutamanya UA meningkat setiap tahun.

Berdasarkan statistik yang diperolehi dari tahun 2014 hingga 2015, menunjukkan

jumlah keseluruhan pelajar mengikut IPT mencecah seramai 540,638 orang (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015). Berikut adalah jadual bilangan kemasukan, enrolmen dan graduan mengikut IPT.

Jadual 1.1

Bilangan kemasukan, enrolmen dan graduan mengikut UA

Bil .	UA	Tahun	Kemasukan	Enrolmen	Graduan
			JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
1	UM	2015	8,093	27,452	6,328
		2014	8,485	25,563	6,634
2	USM	2015	7,718	30,853	6,743
		2014	7,507	30,847	6,381
3	UKM	2015	8,109	27,239	4,765
		2014	8,472	31,692	6,050
4	UPM	2015	8,706	30,670	7,082
		2014	9,000	30,803	6,656

(bersambung)



**Jadual 1.1 (*sambungan*)**

Bil .	UA	Tahun	Kemasukan	Enrolmen	Graduan	
			JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	
5	UTM	2015	7,328	31,066	6,997	
		2014	8,391	33,033	7,064	
6	UUM	2015	7,254	29,143	6,709	
		2014	7,605	30,705	6,602	
7	UIAM	2015	10,366	31,526	5,460	
		2014	10,722	31,534	8,207	
8	UNIMAS	2015	5,578	16,962	4,579	
		2014	5,347	16,828	3,938	
9	UMS	2015	5,041	18,531	4,064	
		2014	5,830	21,790	3,985	
10	UPSI	2015	5,665	21,587	11,807	
		2014	5,475	28,906	4,326	
11	UiTM	2015	65,207	174,755	38,576	
		2014	79,101	185,133	57,872	
12	UniSZA	2015	3,523	9,947	2,400	
		2014	3,153	3,153	3,153	
13	UMT	2015	3,346	10,665	2,317	
		2014	3,097	9,756	2,004	
14	USIM	2015	3,675	14,781	893	
		2014	3,831	13,972	2,451	
15	UTHM	2015	4,847	16,436	4,362	
		2014	4,659	16,237	3,467	
16	UTeM	2015	3,148	12,370	2,428	
		2014	3,075	13,360	1,988	
17	UMP	2015	2,838	9,909	2,122	
		2014	2,676	9,285	2,048	
18	UNIMAP	2015	4,053	13,769	2,452	
		2014	4,033	12,266	1,802	
19	UMK	2015	2,291	9,882	1,062	
		2014	3,159	9,340	570	
20	UPNM	2015	1,341	3,095	1,308	
		2014	1,449	3,215	1,171	
JUMLAH		2015	168,127	540,638	122,454	
		2014	185,067	563,186	135,166	

Sumber : Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015





Dengan jumlah kemasukan dan enrolmen pelajar yang ramai saban tahun khususnya di UA, secara tidak langsung wujudnya persaingan dalam mendapat tempat di universiti. Oleh itu, ini menyebabkan ramai pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajar Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan sebagainya tercicir dan tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti awam yang dipilih walaupun rayuan telah dibuat.

Justeru itu, dengan mengambil kira pelajar-pelajar yang tercicir dan tidak mendapat tempat ke UA, ianya membuka ruang dan peluang kepada IPTS untuk menjalankan program kerjasama secara francais dengan menawarkan kursus dan bidang yang sama seperti mana yang terdapat di UA.



pembelajaran yang sama seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak universiti induk di samping mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan. Pelajar-pelajar sistem francais juga akan diberi penganugerahan yang sama seperti pelajar-pelajar di universiti induk (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015)

Namun begitu, timbul beberapa persoalan tentang kualiti pengajaran dan pembelajaran yang diterima pelajar-pelajar yang mengikuti program francais ini. Apakah kesan program francais pendidikan ini terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar.





Pelajar merupakan aset yang amat penting bagi setiap IPT sama ada UA ataupun IPTS. Justeru itu, menjadi satu tanggungjawab kepada IPT untuk memberikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang terbaik kepada pelajar-pelajar mereka.

Di dalam kajian ini, penyelidik melihat kepada elemen-elemen yang berada di bawah sistem francais pendidikan di mana elemen-elemen tersebut dijadikan sebagai faktor yang memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor tersebut adalah persekitaran pembelajaran, gaya pengajaran dan kualiti pensyarah.

Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengeluarkan satu garis panduan bagi mana-mana UA dan IPTS yang ingin menjalankan program kerjasama. Berdasarkan



garis panduan tersebut, antara perkara yang ditekankan adalah validasi program di mana sistem validasi ini perlu dilakukan oleh UA ke atas mana-mana IPTS yang ingin menjalankan program kerjasama. Di bawah sistem validasi yang dibentuk ini, antara perkara-perkara yang perlu diambil kira adalah prasarana, tenaga pengajar dan kedudukan kewangan dan perancangan.

Melihat daripada sudut kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang diterima oleh pelajar-pelajar di universiti induk dan juga di IPTS, sememangnya kemudahan dan persekitaran yang terdapat di IPTS tidak sama seperti yang terdapat di universiti induk. Justeru itu, wujud persoalan tentang adakah persekitaran pembelajaran yang diperolehi oleh pelajar-pelajar sistem francais ini memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka.





Selain itu, adakah gaya pengajaran yang digunakan oleh pensyarah memenuhi kehendak pelajar dalam mengikut sibus pembelajaran seperti yang telah diberikan oleh pihak universiti dan bagaimana pula dengan kualiti pensyarah yang mengajar. Adakah kelayakan pensyarah menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti dan juga pihak IPTS itu sendiri.

Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan untuk melihat sejauh mana ketiga-tiga faktor tersebut memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS.

1.4 Objektif kajian



Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti :

1.4.1 Kesan persekitaran pembelajaran terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTS.

1.4.2 Kesan gaya pengajaran terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTS

1.4.3 Kesan kualiti pensyarah terhadap kualiti pengajaran dan kualiti pembelajaran di IPTS.





1.5 Persoalan kajian

1.5.1 Adakah persekitaran pembelajaran memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTS?

1.5.2 Adakah gaya pengajaran memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTS?


1.5.3 Adakah kualiti pensyarah memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran IPTS?

1.6 Kerangka konseptual



pemboleh ubah tidak bersandar iaitu persekitaran pembelajaran, gaya pengajaran dan kualiti pensyarah dan satu pemboleh ubah bersandar iaitu kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bagi melihat dengan lebih jelas pemboleh ubah yang digunakan, penyelidik telah pun merangka kerangka konseptual seperti berikut :





Rajah 1.6. Kerangka konseptual. Sumber: (Shazia Quresh,2014 .Mahsood Shah,2012 ., Rohana Kamarudin, Nor Rashidah Zainal & Zaidi Mohd Aminuddin,2009)

1.7 Hipotesis



Hipotesis secara logiknya boleh didefinisikan sebagai andaian sesuatu hubungan di antara dua atau lebih pembolehubah yang dinyatakan dalam bentuk kenyataan yang boleh diuji (Sekaran,2003). Dalam kajian ini, penyelidik membuat tiga hipotesis iaitu:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara persekitaran pembelajaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS

H2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pengajaran dan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan di antara kualiti pensyarah dan kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di IPTS.





1.8 Kepentingan kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingan dalam menyumbang kepada perkembangan ilmu. Setiap kajian yang dilakukan sama ada kecil mahupun besar, ianya tetap mempunyai kepentingan terhadap pihak-pihak yang terlibat.

a) Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Dalam konteks kajian ini, penyelidik melihat kepentingan kajian ini kepada UA dan IPTS. Melihat kepada objektif kajian, pengkaji memfokuskan tentang kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya kajian ini, diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran



mengharapkan kajian ini dapat dijadikan penanda aras dalam perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia dengan menjadikan kajian ini sebagai salah satu bahan rujukan untuk kegunaan pelajar dan di masa akan datang.

Bukan itu sahaja, penyelidik turut melihat kesan kajian ini terhadap hubungan di antara UA dan IPTS. Dengan adanya kajian ini, penyelidik mengharapkan hubungan kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua belah pihak dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

